



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 153

AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975

Tarikh Perkenan Diraja 10 Februari 1975

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 20 Februari 1975

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1997

Cetakan Semula Yang Kedua 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 153

AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kesan pengesahan perjanjian
4. Kuasa untuk memohon beli syer saham modal Bank
5. Jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan
6. Pemerdapatan wang dan pengeluar nota tidak boleh niaga dan pewujudan obligasi lain
7. Penerimaan
8. Perintah untuk menguatkuasakan perjanjian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 153

AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975

Suatu Akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam dan untuk membolehkan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[21 Februari 1975]

BAHAWASANYA dalam Persidangan Menteri-Menteri Kewangan negara Islam yang berlangsung di Jeddah, Arab Saudi dalam bulan Ogos 1974, suatu perjanjian yang menubuhkan Bank Pembangunan Islam telah ditandatangani;

DAN BAHAWASANYA Kerajaan Malaysia telah mengambil bahagian dalam Persidangan tersebut dan telah menandatangani perjanjian tersebut pada akhir Persidangan itu dan sekarang Kerajaan Persekutuan berhasrat mengesahkan perjanjian tersebut dan dengan itu menjadi anggota Bank tersebut;

DAN BAHAWASANYA salinan teks perjanjian tersebut telah dibentangkan di hadapan Parlimen dengan titah perintah Yang di-Pertuan Agong;

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, **MAKA SEKARANG INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Pembangunan Islam 1975.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bank” ertinya Bank Pembangunan Islam yang ditubuhkan melalui perjanjian itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi kewangan;

“perjanjian” ertinya perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam yang ditandatangani di Jeddah, Arab Saudi pada 12 Ogos 1974;

“Perkara” ertinya Perkara perjanjian itu.

Kesan pengesahan perjanjian

3. Jika perjanjian itu disahkan oleh dan bagi pihak Kerajaan Malaysia dan perjanjian itu mula berkuat kuasa menurut Perkara 68 perjanjian itu, peruntukan Akta ini hendaklah berkuat kuasa.

Kuasa untuk memohon beli syer saham modal Bank

4. Menteri dengan ini diberi kuasa untuk memohon beli bagi pihak Kerajaan—

- (a) syer saham modal dibenarkan Bank mengikut perenggan 1 Perkara 5 mengikut apa-apa amaun yang tidak melebihi amaun yang sama nilai dengan dua puluh juta dolar Amerika Syarikat;
- (b) jika saham modal dibenarkan Bank ditambah atas permintaan Lembaga Gabenor Bank mengikut perenggan 4 Perkara 5, sebanyak suatu kadar daripada pertambahan saham sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan itu; dan
- (c) jika syer Kerajaan telah ditambah atas permintaan Kerajaan di bawah perenggan 5 Perkara 5, sebanyak amaun pertambahan itu.

Jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan

5. (1) Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan hendaklah dipertanggungjawabkan—

- (a) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank dengan cara permohonan beli saham modalnya di bawah dan mengikut kaedah pembayarannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 6;
- (b) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank dengan cara permohonan beli tambahan oleh Kerajaan bagi saham modal Bank mengikut perenggan 4 dan 5 Perkara 5;
- (c) apa-apa jumlah wang yang hendak dijadikan oleh Kerajaan sebagai deposit dengan Bank di bawah Perkara 8; dan
- (d) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank di bawah mana-mana peruntukan lain perjanjian itu.

(2) Segala wang yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan di bawah seksyen ini boleh dibayar dengan Dinar Islam, mata wang Malaysia, dolar Amerika Syarikat atau dengan mana-mana mata wang boleh tukar yang lain.

Pemerdapatan wang dan pengeluar nota tidak boleh niaga dan pewujudan obligasi lain

6. Bagi maksud memperuntukkan apa-apa jumlah wang yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan di bawah seksyen 5, Menteri boleh mewujudkan dan mengeluarkan kepada Bank dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut apa-apa nota yang tidak mengenakan bunga dan yang tidak boleh niaga atau obligasi lain yang diputuskan oleh Bank di bawah Perkara 24, untuk diterima bagi menggantikan kesemua atau mana-mana bahagian daripada jumlah wang yang akan kena dibayar dengan mata wang Malaysia, sekiranya Bank tidak menerima nota atau obligasi lain itu.

Penerimaan

7. Semua wang yang diterima oleh atau bagi pihak Malaysia daripada Bank hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan.

Perintah untuk menguatkuasakan perjanjian

8. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah membuat apa-apa peruntukan sebagaimana yang difikirkannya semunasabahnya perlu untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan perjanjian itu yang berhubungan dengan taraf, imuniti dan keistimewaan Bank dan taraf, imuniti dan keistimewaan gabenornya, pengarah eksekutifnya, anggota silih gantinya, pegawainya dan pekerjaanya masing-masing.

(2) Tanpa menyentuh keluasan peruntukan subseksyen (1), sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen itu boleh mengisytiharkan bahawa mana-mana peruntukan perjanjian yang ditentukan hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di dalam Malaysia.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh diubah atau dibatalkan oleh suatu perintah yang kemudian.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 4 Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 [*Ord. 53 tahun 57*]*, untuk mengisytiharkan Bank itu sebagai suatu pertubuhan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) seksyen itu atau mana-mana kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Ordinan itu untuk memberi Bank atau pegawainya atau pekhidmatnya atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengannya apa-apa imuniti atau keistimewaan yang tidak ditentukan dalam peruntukan perjanjian itu.

* *NOTA*—Akta ini telah dimansuhkan—lihat seksyen 5 Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 [*Akta A1064*].

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 153****AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari—TIADA—

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 153

AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

—TIADA—
